



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, TINGKAT 18,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.



Ruj. kami: IPKSEL.BK.100-3/2/3(4)

Tarikh : 21 Ramadhan 1441H

14 Mei 2020

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Ketua Jabatan Badan – Badan Berkanun dan Anak – Anak Syarikat

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha/ Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

YB Dato'/YAD Dato' Setia/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/YBhg. Datin Paduka/Tuan/ Puan,

ARAHAN PENGOPERASIAN KAUNTER PERKHIDMATAN JABATAN DI PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Selaras dengan Surat Arahan Hadir Bekerja Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 2 Mei 2020 dan Perutusan Khas Menteri Kanan Pertahanan pada 13 Mei 2020, semua pejabat kerajaan negeri terutamanya kaunter perkhidmatan adalah dibuka sepenuhnya mulai **18 Mei 2020 (Isnin)**.

3. Bagi jabatan yang tiada kaunter perkhidmatan, ketua jabatan hendaklah memastikan kehadiran bertugas diadakan secara penggiliran dalam tempoh waktu pejabat bagi memastikan kelancaran fungsi jabatan. Semua SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan hendaklah dipatuhi sepenuhnya seperti pelaksanaan aktiviti sanitasi jabatan, amalan penjarakan sosial, pemakaian topeng muka (*face mask*) serta penggunaan *hand sanitizer* bagi mengekang penularan wabak Covid-19.

..12

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

**ARAHAN PENGOPERASIAN KAUNTER PERKHIDMATAN JABATAN DI PENTADBIRAN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

4. Bagi tujuan memudahkan pengesanan kontak sekiranya berlaku kes jangkitan, Ketua Jabatan dikehendaki untuk memastikan setiap pegawai dan pelanggan mengimbas *QR Code* (*QR Code* perlu diletakkan di setiap pintu masuk ruang premis kerajaan negeri) sebelum memasuki mana-mana ruang pejabat melalui sistem SELangkah yang telah diperkenalkan oleh kerajaan negeri.

Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato'/YAD Dato' Setia/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/YBhg. Datin Paduka/Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)

D.P.M.S, B.C.M, B.K.T, P.J.K.

Edaran dalaman:

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)